

عبادة هارين

IBADAH HARIAN

Disusun oleh:

Ust. Yusof Ali

Ust. Abdul Salam Albanjari Almakky

Hj. Ayoob Yacoob Angullia

ISI KANDUNGAN

Mukaddimah	vii
Bangun malam untuk bertahajjud	1
Kemudian ia membaca	2

Sunat Tahajjud

[8]

Lafaz niat sembahyang Tahajjud	8
Doa sesudah solat Tahajjud	9

Sunat Witir

[11]

Niat solat sunat Witir yang dua rakaat	11
Niat solat sunat Witir yang satu rakaat – Zikir selepas solat Witir – Doa solat Witir ..	12

Doa Sesudah Azan

[15]

Apa yang dibaca ketika masuk masjid	16
Lafaz niat sembahyang sunat Tahiyat Masjid ..	17
Niat Iktikaf	18
Adab Iktikaf – Perbanyakkan baca doa ini	19
Dibaca sebelum sembahyang Subuh	20
Tasbih selepas solat Subuh (1)	21
Tasbih selepas solat Subuh (2) – Kelebihannya	23

Doa Selepas Solat Fardhu

[25]

Doa dalam kesusahan	27
Doa selepas solat	28
Dibaca selepas setiap solat untuk memudah- kan rezeki, urusan dan juga mencapai martabat (pangkat)	33
Doa ringkas selepas solat	35
Doa Abu Darda'	39
Doa minta ketetapan hati	42

Sunat Isyraq

[43]

Keistimewaan solat sunat Isyraq	43
Lafaz niat solat sunat Isyraq	44
Doa solat sunat Isyraq	45

Sunat Dhuha

[46]

Lafaz niat solat sunat Dhuha – Doa sesudah mengerjakan solat sunat Dhuha	46
---	----

Sunat Awwabin

[49]

Lafaz niat sembahyang sunat Awwabin – Doa dibaca selepas solat sunat Awwabin	49
---	----

Sunat Istikharah

[50]

Lafaz niat sembahyang sunat Istikharah	50
Doa selepas solat sunat Istikharah	51

Sunat Taubat

[53]

Lafaz niat sembahyang sunat Taubat –	
Doa selepas solat sunat Taubat	53

Sunat Tasbih

[54]

Lafaz niat sembahyang sunat Tasbih –	
Doa selepas solat sunat Tasbih	55
Bacaan Tasbih itu	57

Surah ‘Law Anzalna’

[59]

Asma‘ul Husna

[61]

Doa Bulan Rajab

[63]

Istighfar dibaca dalam bulan Rajab	63
Ini Tasbih dibaca dalam bulan Rajab	64

Kelebihan Membaca Zikir

[65]

Kelebihan mengerjakan sunnah Ba‘diyah Isya’	66
--	----

Niat Dan Doa-doa Ramadhan

[67]

Niat puasa	67
Sunat dibaca sesudah berbuka puasa	68

Amalan-amalan Dalam Bulan Ramadhan

[68]

Sujud Tilawah

[72]

Niat sujud Tilawah – Zikir semasa sujud Tilawah	72
Niat sujud Syukur – Doa yang dibaca semasa sujud Syukur	73
Bacaan sujud Sahwi	74

Solat Hajat Dan Doanya

[74]

Doa untuk menghilangkan rasa malas dan sedih	77
Doa untuk mengelakkan daripada bahaya	78

Qasidah taubat	79
Zikir menjauhi angin ahmar	80

Doa Selepas Membaca Yasin

[81]

Disambung dengan surah Al-Waqi‘ah	85
Zikir-zikir tambahan	87
Amalan di hari Jum‘at	89
Surah Al-Hasyr	92
Fadhilatnya	93

Ratib Al-Haddad

[94]

Al-Fatihah	109
Empat Al-Fatihah	115
Doa penutup majlis	117



MUKADDIMAH

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah {جَلَّ جَلَّالَهُ} yang telah mengurniakan nikmat kepada hamba-hamba-Nya dengan tidak terhingga.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah ﷺ dan para sahabat serta golongan yang mengikut petunjuk mereka sehingga ke hari kiamat.

Syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku *'Ibadah Harian'* ini – Himpunan amalan, doa dan zikir dari Al-Quran dan As-Sunnah dapat dibukukan dengan sempurna.

Buku ini bertujuan untuk memudahkan jemaah bagi mengamalkan doa dan zikir sebagai satu amalan rutin kerana pahala dan kebaikannya adalah terlalu besar untuk disia-siakan.

Sebagaimana Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا. (الأحزاب: ٣٥)

“Lelaki dan perempuan yang banyak menyebut nama Allah, Allah akan menyediakan bagi mereka keampunan dan pahala yang besar”. (Al-Ahzab: 35)

Sesungguhnya amal ibadah perlu dengan ilmu dan pengetahuan yang jelas. Amal ibadah yang dilakukan mengikut hawa nafsu semata-mata, tanpa melihat dan mengetahui bagaimana tatacara yang sebenarnya ditunjuk oleh baginda Rasulullah ﷺ adalah sia-sia. Allah menegah kita daripada melakukan sesuatu tanpa ilmu yang jelas. Maka, sebelum kita dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna, perlulah kita memulakannya dengan menuntut ilmu.

Sebagaimana Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ
وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا.

(الإسراء: ٣٦)

“Dan janganlah kamu mengikut apa yang kamu tidak memiliki pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan, dan jantung hati, semuanya itu akan diminta bertanggungjawab”.

(Al-Isra’: 36)

Marilah kita melaksanakan amalan kita berdasarkan prinsip-prinsip ilmu yang benar dan sah, wajib untuk kita mengiringinya dengan hati yang ikhlas semata-mata kerana Allah Ta’ala.

Saya berharap buku ini dimanfaatkan oleh pembaca dalam menghayati amalan yang telah diamalkan oleh Rasulullah ﷺ sekaligus dapat menghidupkan kembali

sunnah Rasulullah ﷺ. Saya juga berdoa kepada Allah agar Dia terima amalan kita dan menjadikan kita sebagai hamba-Nya yang berjaya di dunia ini dan juga di akhirat kelak.

Ameen ya Rabbal 'Alameen.

Ustaz Abdul Salam Albanjari
Guru Kanan (Makkah al-Mukaramah)



IBADAH HARIAN

Bangun Malam Untuk Bertahajud

Hendaknya seseorang itu bangun dari tidur di waktu sebelum subuh, lalu bersugi dan membaca,

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ
النُّشُورُ.

Ertinya: “Segala puji bagi Allah yang telah menghidupkan kami setelah Ia mematikan kami, dan kepada-Nya tempat kembali.”

Bersuci, Solat, Wudhuk, Witir Dan Doa

Jika boleh, hendaklah ia bersuci (berwudhuk) di rumahnya kerana itu adalah lebih afdhal (bukan di masjid jika ia ke masjid). Hendaklah ia bersuci dengan cara yang paling sempurna, cukup peraturan dan sunatnya.

Kemudian ia membaca:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي
مِنَ التَّوَّابِينَ، وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ، وَاجْعَلْنِي
مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ. سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ
إِلَيْكَ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Ertinya: “Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melaikan Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya, dan aku naik saksi bahawa (Nabi) Muhammad adalah hamba-Nya dan pesuruh-Nya. Ya Allah jadikanlah

aku daripada golongan hamba-hamba-Mu yang bertaubat, dan jadikanlah aku daripada golongan hamba-hamba-Mu yang bersuci, dan jadikan-lah aku daripada golongan hamba-hamba-Mu yang salih.

Maha Suci Engkau ya Allah, dengan segala kepujian-Mu, aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Engkau. Aku meminta ampun kepada-Mu dan bertaubat kepada-Mu.

Semoga Allah mencucuri rahmat dan salam ke atas penghulu kami Nabi Muhammad serta keluarga dan sahabatnya.”

Dan bacalah:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ. وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ
الْقَدْرِ. لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ. تَنْزِيلُ
الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوحِ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ.
سَلَامٌ هِيَ حَتَّى مَطَلَعِ الْفَجْرِ.

Ertinya: “*Sesungguhnya Kami turunkannya (Al-Quran) pada malam yang berkelebihan. Tahukah Engkau apakah malam yang berkelebihan itu? Malam yang berkelebihan itu lebih baik dari seribu bulan. Turun Malaikat Jibril padanya dengan izin Tuhan mereka dengan segala perintah (malam itu malam) kesejahteraan hingga naik fajar.*”

Dan baca pula:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي، وَوَسِّعْ لِي فِي دَارِي،
وَبَارِكْ لِي فِي رِزْقِي، وَلَا تَفْتِنِّي بِمَا زَوَيْتَ عَنِّي.

Ertinya: “*Ya Allah, ampunilah dosa-dosaku, luaskanlah rumahku, berkatilah rezekiku, dan janganlah Engkau fitnahkan aku dengan apa yang Engkau jauhkan dariku.*”

Kemudian sembahyanglah dua rakaat Sunat Wudhuk; sekiranya di masjid niatkan sekali ‘Tahiyatul Masjid’. Pada rakaat pertama selepas Fatihah, bacalah:

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا
اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا
رَحِيمًا.

Ertinya: “*Sekiranya mereka yang telah menganiaya diri mereka itu (dengan berbuat dosa) datang kepadamu untuk meminta ampun kepada Allah, dan Rasulullah meminta ampunan untuk mereka, nescaya mereka dapati Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Pengampun.*”

Dan ditambah membaca:

(3 kali) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

Dan ditambah membaca:

[قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ....]

Pada rakaat kedua selepas Al-Fatihah bacalah:

وَمَنْ يَعْمَلْ سُوءًا أَوْ يَظْلِمْ نَفْسَهُ ثُمَّ يَسْتَغْفِرِ
اللَّهُ يَجِدِ اللَّهَ غُفُورًا رَحِيمًا.

Ertinya: “Barangsiapa yang berbuat kejahatan, atau menganiaya diri sendiri, kemudia dia meminta ampun kepada Allah, nescaya dia akan dapati Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

Dan ditambah membaca:

(3 kali) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

Kemudian baca:

[قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ]

Setelah selesai sembahyang dua rakaat itu bacalah:

1. (10 kali) اللَّهُ أَكْبَرُ

Allah Maha Besar:

2. (10 kali) الْحَمْدُ لِلَّهِ

Segala puji bagi Allah

3. (10 kali) لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Tiada Tuhan melainkan Allah

4. (10 kali) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

Aku memohon keampunan Allah

5. (10 kali) سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ

Maha Suci Allah dengan segala kepujian-Nya

6. (10 kali) سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ

Maha Suci Allah Raja yang Kudus

7. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ ضِيقِ الدُّنْيَا

(10 kali) وَضِيقِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

Ya Allah, Sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada kesempitan dunia dan kesempitan hari kiamat.

* * *

SUNAT TAHAJUD

Anda digalakkan solat Tahajud 8 rakaat dan diakhiri dengan 3 rakaat witr.

Lafaz niat sembahyang sunat Tahajud:

أَصَلِّي سُنَّةَ التَّهَجُّدِ رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku sembahyang sunat Tahajud dua rakaat kerana Allah Ta‘ala.”

Doa sesudah solat Tahajud:

اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ، أَنْتَ قَيِّمُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَمَنْ فِيهِنَّ. وَلَكَ الْحَمْدُ، أَنْتَ مَلِكُ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ. وَلَكَ الْحَمْدُ، أَنْتَ نُورُ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ. وَمَنْ فِيهِنَّ. وَلَكَ
الْحَمْدُ، أَنْتَ الْحَقُّ وَوَعْدُكَ الْحَقُّ، وَلِقَاؤُكَ حَقٌّ،
وَقَوْلُكَ حَقٌّ، وَالْجَنَّةُ حَقٌّ، وَالنَّارُ حَقٌّ، وَالسَّاعَةُ
حَقٌّ، وَالنَّبِيُّونَ حَقٌّ، وَمُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ حَقٌّ.

اللَّهُمَّ لَكَ أَسَلَمْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَعَلَيْكَ
تَوَكَّلْتُ، وَإِلَيْكَ أَنْبَتُ، وَبِكَ خَاصَمْتُ، وَإِلَيْكَ
حَاكَمْتُ، فَاعْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ، وَمَا
أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ، وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي،
أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ. لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، وَلَا
حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

“Ya Allah, bagi-Mu segala pujian, Engkau penegak langit dan segala isinya. Bagi-Mulah segala pujian. Bagi-Mu kekuasaan langit dan bumi serta segala isinya. Dan bagi-Mulah segala pujian. Engkau pemancar cahaya langit dan bumi, Engkaulah yang benar, dan janji-Mu adalah benar, dan pertemuan dengan-Mu adalah benar, perkataan-Mu adalah benar dan syurga itu adalah benar, dan neraka itu adalah benar, dan para nabi-

nabi adalah benar dan Nabi Muhammad s.a.w. adalah benar; dan hari kiamat itu adalah benar.

Ya Allah, kepada-Mu aku berpasrah dan kepada-Mu aku berhukum. Ampunilah aku atas segala kesalahan yang sudah aku lakukan dan yang sebelumnya. Engkaulah yang terdahulu dan yang terakhir. Tiada Tuhan melainkan Engkau. Tiada daya dan upaya melainkan dengan Allah Yang Maha Agung.”

SUNAT WITIR

Niat Solat Sunat Witir Yang Dua Rakaat:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْوَيْتْرِ رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku sembahyang sunat Witir dua rakaat kerana Allah Ta‘ala.”

Niat Solat Sunat Witir Yang Satu Rakaat:

أَصَلِّي سُنَّةَ الْوِتْرِ رُكْعَةً لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku sembahyang sunat Witir satu rakaat kerana Allah Ta‘ala.”

Zikir Selepas Solat Witir:

Dibaca tiga kali sebelum membaca doa:

سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ .

Doa Solat Witir:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَأَعُوذُ
بِمُعَافَتِكَ مِنْ عُقُوبَتِكَ، أَعُوذُ بِكَ مِنْكَ لَا
أُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَيَّ

نَفْسِكَ، فَلَكَ الْحَمْدُ حَتَّى تَرْضَى.

“Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan keredhaan-Mu daripada kemurkaan-Mu, dan aku berlindung dengan kemaafan-Mu daripada balasan siksa-Mu, dan aku berlindung dengan-Mu seperti pujian-Mu sendiri ke atas diri-Mu. Maka bagi-Mu segala pujian dan sanjungan sehingga Engkau redhai.”

Anda digalakkan pergi ke masjid selepas solat Witir.

Keutamaan Menyebut:

« يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ».

“Ya Dzal Jalali Wal-Ikram”

Di antara khasiat nama “*Dzul Jalali Wal-Ikram*” ialah barang siapa kekal menyebutnya

hingga menjadi suatu kebiasaan kepadanya, nescaya ia kelihatan besar di mata orang ramai dan dimuliakan. Nama ini berpengaruh besar kepada semua arwah kerana Nabi s.a.w. bersabda: “Bersungguh-sungguhlah memperbanyakkan menyebut “*Ya Dzal Jalali Wal-Ikram.*”

Imam Muhammad bin Idris Ar-Razi di dalam kitabnya yang dipetik daripada Khizanah Harun Ar-Rasyid menyebut bahawa ianya nama yang didoakan oleh Ashif bin Balkhiya. Apabila Nabi Sulaiman a.s. bertanya: “Siapakah di antara kamu yang boleh membawakan Arasy Balqis, iaitu mahligainya?” Lalu Ashif menjawab: “Aku akan membawanya ke mari dengan sekelip mata.” Beliau pun berdoa dengan doa “*Ya Dzal Jalali Wal-Ikram*”. Jawapan Ashif telah disebutkan oleh Allah dengan firman-Nya:

قَالَ الَّذِي عِنْدَهُ عِلْمٌ مِّنَ الْكِتَابِ أَنَا آتِيكَ بِهِ

قَبْلَ أَنْ يَرْتَدَّ إِلَيْكَ طَرْفُكَ. (النمل: ٤٠)

Ertinya: “Orang-orang yang mempunyai ilmu dari Kitab, (iaitu Ashif) berkata: Akulah yang akan membawanya ke mari sebelum kembali terbuka kelipan lopak matamu.”

(An-Naml: 40)

Ianya nama yang amat besar kadarnya. Itulah nama Allah Al-A‘zham atau *Ismullahil-A‘zham*, kerana keberkataannya menyeluruh dan segera diperkenankan.

* * *

DOA SESUDAH AZAN:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ رَبِّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ، وَالصَّلَاةِ الْقَائِمَةِ،
آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ. وَأَبْعَثْهُ

مَقَامًا مَحْمُودًا ۖ الَّذِي وَعَدْتَهُ، إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ
الْمِيعَادَ.

“Allahumma solli ‘ala Muhammad wa‘ala ali Muhaammad.”

Wahai Tuhanku yang mempunyai seruan yang sempurna ini dan sembahyang yang akan didirikan ini, berikanlah dengan limpahan kurnia-Mu kepada Muhammad wasilah (kedudukan yang paling tinggi dalam syurga) dan keutamaan serta limpahkanlah kepadanya maqam yang terpuji yang Engkau telah janjikan baginya. Sesungguhnya Engkau tidak pernah memungkiri janji.”

Apa Yang Dibaca Ketika Masuk Masjid:

Disunatkan ketika masuk masjid membaca:

أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ، وَبِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَسُلْطَانِهِ

الْقَدِيمِ، مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ. اللَّهُمَّ
اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَاَفْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ.

Ertinya: “Aku berlindung diri kepada Allah yang Maha Besar, dan dengan wajah-Nya yang mulia, serta kekuasaan-Nya yang sedia daripada bahaya syaitan yang terkutuk. Segala puji bagi Allah. Ya Allah ya Tuhanku! Cucurkanlah selawat dan salam ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad. Ya Allah ya Tuhanku! Ampunilah semua dosa-dosaku, dan bukakanlah bagiku pintu-pintu rahmat-Mu.”

Lafaz Niat Sembahyang Sunat Tahiyat Masjid:

أُصَلِّي سُنَّةَ تَحِيَّةِ الْمَسْجِدِ رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku sembahyang sunat Tahiyatul Masjid dua rakaat kerana Allah Ta‘ala.”

Keterangan:

Dari Abu Qatadah r.a. berkata, bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda (yang bermaksud): “Kalau sekiranya salah satu di antara kalian masuk ke dalam masjid maka dilarang untuk duduk di dalamnya sebelum mengerjakan solat dua rakaat (solat Tahiyatul Masjid).

Niat Iktikaf:

نَوَيْتُ أَنْ أَعْتَكِفَ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ سُنَّةً لِلَّهِ
تَعَالَى.

“Sahaja aku iktikaf dalam Masjid ini sunat kerana Allah Ta‘ala.”

Adab Iktikaf:

Membaca Al-Quran, berzikir, solat atau duduk diam. Jauhi dari berbual atau apa saja yang bersangkutan dalam hal-hal keduniaan.

Semasa iktikaf dan sedang melihat Ka'abah bacalah:

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ، وَمِنْكَ السَّلَامُ، وَإِلَيْكَ يَعُودُ
السَّلَامُ، فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ.

“Ya Allah, ya Tuhan kami, Engkaulah keselamatan, daripada-Mu kembalinya keselamatan. Maka mudahkanlah kami dengan keselamatan.”

Perbanyakkanlah membaca doa ini:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

“Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan selamatkanlah kami dari api neraka.”

Dibaca sebelum sembahyang Subuh:

(41 kali) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ.

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ،

(100 kali) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ.

Ini telah diriwayatkan oleh pengarang “*Majma‘ul Ahbab*”.

Tarmidzi dan Hakim berkata: Aku melihat Tuhan Rabbul-‘Izzah di dalam tidurku dan aku berkata: Ya Rabb, aku takut kehilangan iman. Dia berfirman: Bacalah antara sunat Fajar dan fardhunya:

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، أَسْأَلُكَ

أَنْ تُحْيِيَ قَلْبِي بِنُورِ مَعْرِفَتِكَ يَا اللَّهُ، يَا اللَّهُ،
يَا مُحْيِيَ الْمَوْتَى، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Maksudnya: “Wahai Tuhan yang Maha Hidup lagi berdiri dengan sendiri-Nya, wahai Tuhan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan. Aku memohon kepada-Mu menghidupkan hatiku dengan cahaya ma‘rifat dari-Mu, ya Allah, ya Allah, ya Allah wahai Tuhan yang menghidupkan orang-orang yang telah mati, dengan rahmat-Mu wahai Tuhan yang paling Pengasih dari setiap yang pengasih.”

Tasbih selepas solat Subuh (1):

Kami meriwayatkan lagi daripada Juwairiyah Ummil Mukminin r.a., bahawasanya Nabi s.a.w. keluar dari rumah pada suatu pagi setelah selesai sembahyang Subuh, sedang Juwairiyah masih di tempat sembahyang (berzikir), sebentar kemudian

beliau kembali ke rumah setelah menunaikan solat Dhuha, hal Juwairiyah masih berada di tempat sembahyangnya lagi, lalu beliau bertanya:

“Apakah engkau masih lagi berkeadaan seperti aku tinggalkan tadi?”

Jawab Juwairiyah: “Saya!”

Maka berkata Nabi s.a.w.: “Bila aku meninggalkanmu tadi aku telah mengucapkan empat kalimat sebanyak tiga kali, jika ditimbang dengan apa yang engkau ucapkan sejak awal hari tadi nescaya ia lebih dari apa yang ucapkan itu, iaitu:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ عَدَدَ خَلْقِهِ، وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ، وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ. (3 kali)

“Maha Suci Allah dengan kepujian-Nya, sebilangan makhluk-Nya, sekeredhaan Dzat-Nya, seberat timbangan Arasy-Nya dan sebanyak tinta untuk menulis kalimah-kalimah-Nya.”

Tasbih selepas solat Subuh (2):

Tasbih yang berikut ini hendaklah diamalkan pada waktu pagi dan petang sebanyak 3 kali:

سُبْحَانَ اللَّهِ مِلْءَ الْمِيزَانِ، وَمُنْتَهَى الْعِلْمِ،
وَمَبْلَغِ الرِّضَا، وَزِنَةَ الْعَرْشِ.⁽¹⁾

“Maha Suci Allah dengan sepenuh Mizan (timbangan-Nya), sehabis-habis pengetahuan-Nya, seredha-redha-Nya dan seberat timbangan Arasy-Nya.”

Kelebihannya:

- [1] Dipanjangkan umurnya.
- [2] Ditolong mengatasi musuhnya.
- [3] Diluaskan rezekinya.
- [4] Dipelihara dari kematian yang jahat atau yang tidak baik (*su'ul-khatimah*).

1. Keterangannya dalam kitab *“Mishbahuz-Zhalam Wa Bahjatul Anam Min Ahaditsi Khairil Anam.”*

Perbanyakkanlah membaca doa ini:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

“Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan selamatkanlah kami dari api neraka.”

* * *

DOA SELEPAS SOLAT FARDHU:

- [1] Baca (1 kali): **اللَّهُ يَا رَبِّي**
Maksudnya: Ya Allah, ya Tuhanku.
- [2] Baca (33 kali): **سُبْحَانَ اللَّهِ**
Maksudnya: Maha Suci Allah.
- [3] Baca (1 kali): **سُبْحَانَ اللَّهِ دَائِمًا أَبَدًا**.
Maksudnya: Maha Suci Allah, aku bertasbih sambil memuji-muji kekal sentiasa selama-lamanya.
- [4] Baca (33 kali): **الْحَمْدُ لِلَّهِ**
Maksudnya: Segala kepujian bagi Allah.
- [5] Baca (1 kali): **الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ وَنِعْمَةٌ**
Maksudnya: Segala puji-pujian untuk Allah, Tuhan Pentadbir seluruh alam atas mana-mana juga keadaan dan nikmat pengurniaan-Nya.
- [6] Baca (33 kali): **اللَّهُ أَكْبَرُ**
Maksudnya: Allah Maha Besar.
- [7] Baca (1 kali):

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ
 بُكْرَةً وَأَصِيلًا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
 لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ
 عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ
 الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

Maksudnya: “Allah Maha Besar, sung-
 guh Allah Maha Besar. Segala puji bagi
 Allah sebanyak-banyaknya. Maha Suci Allah
 pagi dan petang, tiada Tuhan yang disembah
 dengan sebenar-benarnya melainkan Allah
 dengan ketunggalan-Nya, tiada sekutu bagi-
 Nya, untuk Allah segala kerajaan dan bagi-
 Nya segala pujian. Dia yang menghidupkan
 dan yang mematikan dan Dialah yang berkuasa
 atas segala sesuatu. Tiada daya dan tiada
 upaya melainkan dengan pertolongan Allah,
 Tuhan yang Maha Tinggi lagi Maha Besar.”

اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلَا مُعْطِيَ لِمَا
مَنْعْتَ، وَلَا رَادًّا لِمَا قَضَيْتَ، وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ
مِنْكَ الْجَدُّ.

“Ya Allah, tidak ada yang dapat mencegah jika Engkau memberi dan tidak ada yang dapat memberi jika Engkau mencegah. Tidak ada yang dapat menolak apa yang telah Engkau takdirkan dan tidak berguna kekayaan bagi orang yang kaya untuk mempertahankan dirinya dari-Mu.”

Doa Dalam Kesusahan

Kami meriwayatkan daripada Asma' binti Umais r.a. dia berkata: Telah berkata Rasulullah s.a.w. kepadaku: Mahukah engkau aku ajarkan beberapa kalimat yang boleh engkau ucapkan bila ada kesusahan?

Sebutkanlah:

اللَّهُ اللَّهُ رَبِّي لَا أُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا.

Ertinya: “Ya Allah, Allah itu Tuhanku!
Tiada aku menyekutukan-Nya dengan suatu
apa pun.”

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)

Doa Selepas Solat

Imam Al-Ghazali rahimahullahu Ta‘ala berkata: Bacalah doa berikut setiap waktu, khususnya selepas setiap solat:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنَ النِّعْمَةِ تَمَامِهَا، وَمِنَ
العِصْمَةِ دَوَامِهَا، وَمِنَ الرَّحْمَةِ شُمُولِهَا، وَمِنَ
العَافِيَةِ حُصُولِهَا، وَمِنَ العَيْشِ أَرْغَدَهُ، وَمِنَ
العُمُرِ أَسْعَدَهُ، وَمِنَ الإِحْسَانِ أَتَمَّهُ، وَمِنَ

الْإِنْعَامِ أَعْمَهُ، وَمِنَ الْفَضْلِ أَعْذَبَهُ، وَمِنَ
اللُّطْفِ أَنْفَعَهُ. اللَّهُمَّ كُنْ لَنَا وَلَا تَكُنْ عَلَيْنَا.
اللَّهُمَّ أَقْبِلْ بِوَجْهِكَ الْكَرِيمِ إِلَيْنَا. اللَّهُمَّ اخْتِمِ
بِالسَّعَادَةِ آجَالَنَا، وَحَقِّقْ بِالزِّيَادَةِ آمَالَنا، وَأَقْرِنِ
بِالْعَافِيَةِ غُدُونَنَا وَأَصَالَنا، وَاجْعَلْ إِلَيَّ رَحْمَتِكَ
مَصِيرَنَا وَمَالَنا، وَأَصِيبُ سِجَالِ عَفْوِكَ عَلَيَّ
ذُنُوبِنَا، وَمُنِّ عَلَيْنَا بِإِصْلَاحِ عُيُوبِنَا، وَاجْعَلِ
التَّقْوَى زَادَنَا، وَفِي دِينِكَ اجْتِهَادَنَا، وَعَلَيْكَ
تَوَكُّلُنَا وَاعْتِمَادُنَا.

اللَّهُمَّ ثَبِّتْنَا عَلَى نَهْجِ الْإِسْتِقَامَةِ، وَأَعِدْنَا
فِي الدُّنْيَا مِنْ مُوجِبَاتِ النَّدَامَةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ،

وَخَفِّفْ عَنَّا ثِقَلَ الْأَوْزَارِ، وَارْزُقْنَا عَيْشَةَ الْأَبْرَارِ،
 وَاكْفِنَا شَرَّ الْأَشْرَارِ، وَأَعْتِقْ رِقَابَنَا وَرِقَابَ آبَائِنَا
 وَأُمَّهَاتِنَا وَأَوْلَادِنَا وَعَشِيرَتِنَا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ
 وَفِتْنَتِهِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ، بِرَحْمَتِكَ يَا عَزِيزُ يَا
 غَفَّارُ، يَا كَرِيمُ يَا سَتَّارُ، يَا حَلِيمُ يَا جَبَّارُ. يَا
 اللَّهُ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ. اللَّهُمَّ ارِنَا الْحَقَّ حَقًّا
 وَارْزُقْنَا اتِّبَاعَهُ، وَلَا تَجْعَلْ عَلَيَّ مُتَشَابِهًا فَاتَّبِعَ
 الْهُوَى. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَمُوتَ إِلَى طَلَبِ
 الدُّنْيَا، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. وَصَلَّى اللَّهُ
 عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: “Ya Allah, ya Tuhanku! Aku memohon dari nikmat mana yang sempurna-

nya, dari pemeliharaan mana yang kekalnya, dari rahmat mana yang menyeluruhannya, dari afiat apa yang didapatinya, dari kehidupan biar yang senag-lenangnya, dari umur mana yang membahagikannya, dari keihisanan segala yang mencukupinnya, dari kenikmatan apa yang umumnya, dari kelebihan biar yang enaknyanya, dari kelembutan yang banyak mamfaatnya.

Ya Allah dampingilah kami dan jangan menindas kami. Ya Allah tujukan wajah-Mu yang mulia kepada kami. Ya Allah akhirilah ajal kami dengan kebahagiaan, tunaikan segala cita-cita kami dengan tambahan, temankan siang dan malam kami dengan keafiatan, sampaikan tujuan kami dan kesudahan kami kepada rahmat-Mu, curahkan kemurahan keampunan-Mu ke atas dosa-dosa kami, gerakkan diri kami untuk membetulkan segala keaiban kami, jadikan taqwabekalankami, dalam beragama kepada-Mu segala kesungguhan kami, dan kepada-Mu tawakkal kami dan pergantungan kami.

Ya Allah ya Tuhanku! Tetapkan kami ke atas jalan yang lurus, lindungi kami di dunia dari perkara-perkara yang menyebabkan sesalan nanti di hari Kiamat. Ringankanlah kejahatan orang-orang yang jahat dari mengancam kami, bebaskan tengkuk kami dan tengkuk ibu bapa kami, anak-anak kami dan kaum keluarga kami daripada siksa kubur dan fitnahnya dan daripada siksa api neraka, dengan penuh rahmat-Mu wahai Tuhan yang Maha Perkasa, Maha Pengampun, Maha Pemurah, Maha Penutup keaiban, Maha Penyantun lagi Yang Maha Tinggi. Ya Allah (3 kali), Ya Rahman ya Rahim.

Ya Allah ya Tuhanku! Tunjukilah kami yang benar itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami untuk mengikutinya, dan janganlah sekali-kali Engkau kelirukan kami sehingga kami mengikut apa yang ditunjuk hawa nafsu kami. Ya Allah ya Tuhanku! Aku berlindung diri kepada-Mu jangan sampai aku mati kerana terus mengejar dunia, dengan segala rahmat-Mu wahai Tuhan yang

Pemurah dari sekalian yang pemurah. Selawat Allah dan salam-Nya ke atas penghulu kami Muhammad beserta keluarganya dan para sahabatnya.”

Dibaca Selepas Setiap Solat Untuk Memudahkan Rezeki, Urusan Dan Juga Mencapai Martabat (Pangkat)

Dibaca 11 kali selepas solat Subuh. Kalau dibaca 41 kali, mencapai apa yang diinginkan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً، وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلُ بِهِ الْعُقْدُ،
وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ
الرَّغَائِبُ، وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ

بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ عَدَدَ مَا وَسِعَهُ عِلْمُكَ.

Maksudnya: “Ya Allah, ya Tuhanku! Cucurilah rahmat dan salam yang sempurna ke atas penghulu dan tuan kami Nabi Muhammad dan ke atas keluarga penghulu kami Nabi Muhammad, yang dengannya terhurai segala simpulan, dan dengannya jadi lapang segala kegundahan dan dengannya juga tertunai segala hajat, dan tercapai segala yang disukai dan mendapat kesudahan yang baik, dan di curahkan air hujan dengan berkat wajahnya yang mulia.

Dan cucurilah (rahmat dan salam) ke atas keluarganya dan para sahabatnya pada setiap kerlipan mata dan pada setiap nafas, sebanyak bilangan luasnya ilmu-Mu (ya Allah!).”

* * *

DOA RINGKAS SELEPAS SOLAT

﴿بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مِنَ الْخَيْرِ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ
مَا عَلِمْنَا مِنْهُ وَمَا لَمْ نَعْلَمْ. وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ
الشَّرِّ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمْنَا مِنْهُ وَمَا
لَمْ نَعْلَمْ. وَنَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَنَعِيمَهَا وَمَا يُقَرِّبُ
إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَفِعْلٍ وَنِيَّةٍ وَاعْتِقَادٍ. وَنَعُوذُ بِكَ
مِنَ النَّارِ وَمَا يُقَرِّبُ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَفِعْلٍ وَنِيَّةٍ
وَاعْتِقَادٍ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا سَأَلْتُكَ

مِنْهُ نَبِيِّكَ وَحَبِيبِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٌ ﷺ . وَنَعُوذُ
بِكَ مِنْ شَرِّ مَا اسْتَعَاذَكَ مِنْهُ نَبِيُّكَ وَحَبِيبُكَ
وَرَسُولُكَ مُحَمَّدٌ ﷺ . اللَّهُمَّ وَمَا قَضَيْتَ لَنَا
مِنْ أَمْرٍ فَاجْعَلْ عَاقِبَتَهُ رَشَدًا ، وَسَلِّمْ لَنَا الْعَقْلَ
وَالْإِيمَانَ وَالْيَقِينَ وَجَمِيعَ مَا أَنْعَمْتَ بِهِ عَلَيْنَا
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً ، وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً ، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ . وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .
سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى
الْمُرْسَلِينَ . وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

Maksudnya: *“Segala puji bagi Allah, Tuhan Pemerintah alam, selawat dan salam ditujukan kepada semulia-mulia Nabi dan Rasul dan ke atas keluarganya, sahabat-sahabatnya kesemuanya.*

Ya Allah, sesungguhnya kami memohon kepada-Mu kebajikan kesemuanya, dunia dan akhirat, sama ada perkara yang kami tahu atau tidak. Kami berlindung dengan-Mu dari segala kejahatan dunia dan kejahatan akhirat, sama ada perkara yang kami tahu atau tidak.

Ya Allah, kami memohon kepada-Mu memasuki syurga dan mengecap nikmatnya dan perkara yang boleh menghampirkan kami kepadanya dari segi perkataan, perbuatan, niat dan iktikad. Kami berlindung kepada-Mu dari memasuki api neraka dan perkara yang boleh menghampirkan kami kepadanya dari segi perkataan, perbuatan, niat dan iktikad. Dan kami memohon perlindungan kepada-Mu sebagaimana yang diminta oleh Nabi-Mu, kekasih-Mu, Rasul-Mu dan hamba-Mu Muhammad s.a.w.

Ya Allah, apa-apa yang salah yang Engkau telah putuskan kepada kami dari sebarang urusan, jadikanlah penghujungnya sebagai petunjuk. Sejahterakanlah akal, iman dan keyakinan kami, begitu juga apa yang telah Engkau nikmatkan ke atas kami dengan nikmat-Mu, wahai Tuhan yang Pengasih lagi Penyayang.

Ya Tuhan kami, kurniakanlah kami kebajikan di dunia dan kebajikan di akhirat serta peliharalah kami dari azab neraka.

Rahmatkanlah wahai Allah ke atas penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w., keluarganya dan sahabat handai semuanya.

Maha Suci Engkau, Tuhan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan dari perkara yang mereka sifatkan dan ucapan selamat sejahtera ke atas para Rasul utusan. Dan segala puji untuk Allah, Tuhan Pemerintah alam.”

* * *

DOA ABU DARDA'

﴿بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، عَلَيْكَ
تَوَكَّلْتُ وَأَنْتَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ. مَا شَاءَ اللَّهُ
كَانَ وَمَا لَمْ يَشَأْ لَمْ يَكُنْ. لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ
إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ. أَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ عَلَى
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ
عِلْمًا.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي وَمِنْ
شَرِّ كُلِّ دَابَّةٍ أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا إِنَّ رَبِّي عَلَى
صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ.

Ertinya: “Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang mentadbir seluruh alam, Rahmat dan kesejahteraan ke atas junjungan kami Nabi Muhammad s.a.w. semulia-mulia Rasul dan juga ke atas keluarganya dan sahabat-sahabatnya sekalian.

Ya Allah, Tuhanku, Engkau Tuhan, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Engkau. Kepada Engkaulah aku bertawakkal dan Engkaulah Tuhan empunya Arasy yang maha besar.

Sesuatu yang dikehendaki Allah pasti berlaku dan sesuatu yang tidak dikehendaki Allah pasti tidak akan berlaku. Tiada daya upaya dan tiada sebarang kekuatan yang dapat menjayakan dan menggagalkan sesuatu melainkan dengan izin Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar. Aku mengetahui sesungguhnya Allah meliputi pengetahuannya pada tiap-tiap sesuatu.

Ya Allah, Tuhanku, sesungguhnya aku memohon perlindungan Engkau daripada kejahatan atau keburukan pada diriku dan dari kejahatan tiap-tiap makhluk yang melata (jin, syaitan, binatang dan manusia). Engkau yang mengawasi ubun-ubunnya (segala gerak-gerinya). Sesungguhnya Tuhanku atas jalan yang benar.

Dan cucurilah rahmat dan kesejahteraan ke atas penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w., keluarganya serta sahabat-sahabatnya sekalian.

Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan Pentadbir seluruh alam.”

DOA MINTA KETETAPAN HATI

يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ.

“Wahai Tuhan yang membolak-balikkan segala hati, tetapkanlah hatiku dalam agama-Mu.”

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Barangsiapa yang menyebut pada satu hari sebanyak sepuluh kali:

﴿بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾

«وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ».

Maka bersihlah ia daripada dosanya sebagaimana hari dilahirkan oleh ibunya dan diselamatkan dia oleh Allah s.w.t. daripada tujuh puluh macam bala dunia, seperti gila, sopak, kusta, angin ahmar dan sesungguhnya

ini lebih besar pahalanya daripada tujuh puluh kali Haji dan Umrah yang makbul selepas Haji Islam yang wajib, dijaga ia oleh Allah s.w.t. dengan tujuh puluh Malaikat yang beristighfar untuk dia hingga ke malamnya dan diselamatkan ia daripada sembilan puluh sembilan macam bala.”

Ini tersebut dalam kitab Al-Allamah As-Syeikh Jamaluddin Muhammad bin Umar Abdullah, yang bernama kitab ‘*Maqal An-Nashihin Bihafzhi Sya‘airiddin*’. Dan *Bismillah* yang tersebut ada terkandung di dalam ratib Al-Habib Umar Ibnu Abdur Rahman Al-Attas.

SUNAT ISYRAQ

Keistimewaan Solat Sunat Isyraq:

Nabi telah bersabda:

مَنْ صَلَّى الْفَجْرَ فِي جَمَاعَةٍ ثُمَّ قَعَدَ يَذْكُرُ اللَّهَ

تَعَالَى حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ ، ثُمَّ صَلَّى رُكْعَتَيْنِ ،
 كَانَتْ لَهُ كَأَجْرِ حَجَّةٍ وَعُمْرَةٍ تَامَّةٍ تَامَّةٍ تَامَّةٍ .
 (رواه الترميذي عن أنس رضي الله عنه عن النبي
 صلى الله عليه وسلم).

Ertinya: “Barangsipa solat Fajar (Subuh) berjamaah, kemudian ia duduk berzikir (mengingati) Allah hingga terbit matahari, kemudian ia solat sunat Isyraq dua rakaat, maka adalah baginya pahala seperti mengerjakan Haji dan Umrah yang sempurna - sempurna - sempurna.”

(Hadis riwayat Imam Turmuzi)

Lafaz Niat Solat Sunat Isyraq:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْإِشْرَاقِ رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى .

“Sengaja aku solat sunat Isyraq dua rakaat kerana Allah Ta‘ala.”

Doa Solat Sunat Isyraq:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْيَوْمَ مُعَافِيَةً، وَجَاءَ
بِالشَّمْسِ مِنْ مَطْلَعِهَا. اللَّهُمَّ ارْزُقْنِي خَيْرَ هَذَا
الْيَوْمِ وَادْفَعْ عَنِّي شَرَّهُ. اللَّهُمَّ نَوِّرْ قَلْبِي بِنُورِ
هُدَايَتِكَ، كَمَا نَوَّرْتَ الْأَرْضَ بِنُورِ شَمْسِكَ. أَبَدًا
أَبَدًا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

“Puji-pujian bagi Allah yang menjadikan hari ini elok, dinaikkan matahari dari tempatnya. Ya Allah berikanlah kepadaku kebaikan hari ini, dan jauhkanlah aku dari keburukannya. Ya Allah, cahayakanlah (terangilah) hatiku dengan cahaya petunjuk-Mu sebagaimana Engkau cahayakan bumi ini dengan cahaya matahari-Mu. Selamanya, dengan rahmat-Mu. Ya Allah yang Maha Pemurah.”

SUNAT DHUHA

Keterangan:

Waktu mengerjakan solat sunat Dhuha adalah satu jam dua puluh tiga minit setelah matahari terbit. Diriwayatkan dari Abu Dzar, bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda (yang bermaksud):

“Dua rakaat solat Dhuha mencukupi sedekah untuk seluruh badan manusia.”

Lafaz Niat Solat Sunat Dhuha:

أَصَلِّي سُنَّةَ الضُّحَى رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى .

“Sengaja aku solat sunat Dhuha dua rakaat kerana Allah Ta‘ala.”

Doa Sesudah Mengerjakan Solat Sunat Dhuha:

اللَّهُمَّ إِنَّ الضُّحَاءَ ضُحَاؤُكَ، وَالْبَهَاءَ بَهَاؤُكَ،

وَالْجَمَالَ جَمَالِكَ، وَالْقُوَّةَ قُوَّتِكَ، وَالْقُدْرَةَ قُدْرَتِكَ،
 وَالْعِصْمَةَ عِصْمَتِكَ. اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ رِزْقِي فِي
 السَّمَاءِ فَأَنْزِلْهُ، وَإِنْ كَانَ فِي الْأَرْضِ فَأَخْرِجْهُ،
 وَإِنْ كَانَ مُعْسِرًا فَيَسِّرْهُ، وَإِنْ كَانَ حَرَامًا فَطَهِّرْهُ،
 وَإِنْ كَانَ بَعِيدًا فَقَرِّبْهُ، بِحَقِّ ضَحَائِكَ، وَبِهَائِكَ،
 وَجَمَالِكَ، وَقُوَّتِكَ، وَقُدْرَتِكَ، وَعِصْمَتِكَ. آتِنِي
 مَا آتَيْتَ عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ.

“Ya Allah, sesungguhnya waktu dhuha itu waktu dhuha-Mu, kemegahan (keagungan) itu ialah kemegahan-Mu, keindahan itu adalah keindahan-Mu, kekuatan itu kekuatan-Mu, kekuasaan itu kekuasaan-Mu dan perlindungan itu perlindungan-Mu.

Ya Allah, jika rezekiku berada di langit, turunkanlah ia, jika berada di dasar bumi,

keluarkanlah ia, jika sukar mudahkanlah, jika haram, Kau sucikanlah, jika masih jauh, dekatkanlah dengan kebenaran dari keberkatan waktu dhuha-Mu, keagungan, keindahan, kekuatan, kekuasaan dan perlindungan-Mu. Limpahkanlah kepadaku seperti mana yang telah Engkau limpahkan kepada hamba-hamba-Mu yang salih.”

Untuk melengkapkan solat Dhuha ini eloklah dibaca doa berikut sebanyak 70 kali:

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَتُبْ عَلَيَّ، إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ
الرَّحِيمُ.

“Ya Allah, ampunilah aku dan berilah (terimalah) taubat dariku, sesungguhnya Engkau Maha Penerima taubat dan Maha Penyayang.”

* * *

SUNAT AWWABIN

Keterangan:

Dilakukan selepas solat fardhu Maghrib menanti waktu Isya', didahului dengan 2 rakaat sunat Maghrib dan dua rakaat sunat Awwabin dan 2 rakaat lagi sunat Awwabin, (jumlah 6 rakaat).

Sedangkan fadhilah sembahyang sunat 6 rakaat setelah sembahyang Maghrib dengan tidak ada bicara di antaranya sama dengan beribadah 12 tahun.

Lafaz Niat Sembahyang Sunat Awwabin:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْأَوَّابِينَ رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى .

“Sengaja aku sembahyang sunat Awwabin dua rakaat kerana Allah Ta‘ala.”

Doa Dibaca Selepas Solat Sunat Awwabin:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَوْدِعُكَ دِينِي وَإِيمَانِي، فَاحْفَظْهُمَا
عَلَيَّ فِي حَيَاتِي، وَعِنْدَ وَفَاتِي، وَبَعْدَ مَمَاتِي،
إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. (3x)

“Ya Allah, sesungguhnya aku menyerahkan kepada-Mu agamaku dan keimananku untuk dipelihara semasa hidupku, ketika matiku, dan setelah matiku, maka peliharalah keduanya untukku. Sesungguhnya Engkau berkuasa atas segala sesuatu.”

* * *

SUNAT ISTIKHARAH

Lafaz Niat Sembahyang Sunat Istikharah:

أَصَلِّي سُنَّةَ الْإِسْتِخَارَةِ رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku sembahyang sunat Istikharah dua rakaat kerana Allah Ta‘ala.”

Doa Selepas Solat Sunat Istikharah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ، وَأَسْتَقْدِرُكَ
بِقُدْرَتِكَ، وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيمِ، فَإِنَّكَ
تَقْدِرُ وَلَا أَقْدِرُ، وَتَعْلَمُ وَلَا أَعْلَمُ، وَأَنْتَ عَلَّامُ
الْغُيُوبِ.

اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الْأَمْرَ ... خَيْرٌ
لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي فَاقْدُرْهُ لِي،
وَيَسِّرْهُ لِي، ثُمَّ بَارِكْ لِي فِيهِ. وَإِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ
أَنَّ هَذَا الْأَمْرَ ... شَرٌّ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي
وَعَاقِبَةِ أَمْرِي، فَاصْرِفْهُ عَنِّي وَاصْرِفْنِي عَنْهُ.
وَاقْدُرْ لِي الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ. ثُمَّ أَرْضِنِي بِهِ.

“Ya Allah, aku memohonkan pilihan yang baik menurut pengetahuan-Mu dan memohonkan penetapan dengan kekuasaan-Mu, juga aku memohonkan kurnia-Mu yang maha besar. Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Berkuasa sedang aku tidak berkuasa, Engkaulah yang Maha Mengetahui sedangkan aku tidak mengetahui apa-apa, Engkaulah yang Maha Mengetahui segala yang ghaib.

Ya Allah, sekiranya di dalam ilmu-Mu bahawa urusanku ini baik buatku, dalam agamaku juga kehidupanku, serta kesudahan urusan ini, maka takdirkanlah ia bagiku.

Dan sekiranya di dalam ilmu-Mu bahawa urusanku ini buruk buatku, dalam agamaku juga kehidupanku, serta kesudahan urusan ini, maka jauhkanlah hal itu daripadaku dan jauhkanlah aku daripadanya di mana saja adanya, kemudian puaskanlah hati dengan takdir-Mu.”

** * **

SUNAT TAUBAT

Lafaz Niat Sembahyang Sunat Taubat:

أُصَلِّي سُنَّةَ التَّوْبَةِ رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku sembahyang sunat Taubat dua rakaat kerana Allah Ta‘ala.”

Doa Selepas Solat Sunat Taubah:

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا
عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ،
أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ
عَلَيَّ، وَأُبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ
الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

“Ya Allah, Tuhanku, tiada Tuhan melainkan Engkau yang menjadikan aku, aku hamba-Mu, dan semampuku aku setia atas janjiku kepada-Mu. Aku berlindung dengan-Mu dari kejahatan yang aku telah lakukan. Aku mengakui nikmat-Mu ke atasku, dan aku mengakui dosaku kepada-Mu, maka ampunilah aku, kerana sesungguhnya tiada siapa yang dapat mengampuni segala dosa melainkan Engkau.”

* * *

SUNAT TASBIH

Keterangan:

Bilangan rakaat solat Tasbih adalah 4 rakaat. Diperintahkan bagi kita untuk mengerjakannya setiap hari sekali, kalau tidak sanggup, satu kali dalam satu Jum‘at, atau satu kali dalam sebulan, ataupun satu kali dalam setahun, jika tidak sanggup juga, satu kali dalam seumur hidup!

Lafaz Niat Sembahyang Sunat Tasbih:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْأَوَّابِينَ رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sengaja aku sembahyang sunat Tasbih dua rakaat kerana Allah Ta‘ala.”

Doa Selepas Solat Sunat Tasbih:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ تَوْفِيقَ أَهْلِ الْهُدَى، وَأَعْمَالَ
أَهْلِ الْيَقِينِ، وَمُنَاصِحَةَ أَهْلِ التَّوْبَةِ، وَعِزْمَ
أَهْلِ الصَّبْرِ، وَوَجَلَ أَهْلِ الْخَشْيَةِ، وَطَلَبَ
أَهْلِ الرَّغْبَةِ، وَتَعَبُّدَ أَهْلِ الْوَرَعِ، وَعِرْفَانَ أَهْلِ
الْعِلْمِ، حَتَّى أَخَافَكَ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مَخَافَةَ
تَحْجُزْنِي عَنْ مَعَاصِيكَ، حَتَّى أَعْمَلَ بِطَاعَتِكَ
عَمَلًا أَسْتَحِقُّ بِهِ رِضَاكَ، حَتَّى أَنْصَحَكَ فِي

التَّوْبَةِ، وَخَوْفًا مِنْكَ حَتَّىٰ أُخْلِصَ لَكَ النَّصِيحَةَ،
وَحَتَّىٰ أَتَوَكَّلَ عَلَيْكَ فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا وَحَسَنِ
الظَّنِّ بِكَ. سُبْحَانَكَ خَالِقِ النُّورِ، رَبَّنَا أَتِمِّمْ لَنَا
نُورَنَا وَاعْفِرْ لَنَا، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

“Ya Allah ya Tuhanku, aku memohon taufiq daripada-Mu, sepertimana orang-orang yang telah Engkau beri petunjuk, dan jadikan amalanku ini sepertimana amalan ahli yakin, dan jadikan aku dari golongan orang yang menerima nasihat, orang-orang yang bertaubat, dan keazamanku sepertimana orang-orang yang takut. Dan aku memohon sepertimana permohonan orang-orang yang suka kepada kebaikan, dan beribadah sepertimana ibadah orang-orang yang warak. Dan jadikan pengetahuanku ini sebagai ahli-ahli yang berilmu, sehingga aku termasuk ke dalam golongan orang-orang

yang takut kepada Engkau.

“Ya Allah, aku memohon kepada-Mu, (untuk) jadikan dalam diriku ini perasaan takut yang dapat menghalang aku daripada melakukan maksiat, sehinggalah aku beramal dengan penuh ketaatan kepada-Mu, sebagaimana amalan yang aku merasa perlu mendapat keredhaan-Mu dan juga sehingga aku betul-betul ikhlas dan bertawakkal kepada-Mu dalam setiap perkara, dan akau memohon supaya menjadi orang yang berbaik sangka terhadap-Mu. Maha Suci Engkau Pencipta cahaya kebenaran.

Ya Tuhan kami, sempurnakanlah kepada kami cahaya kebenaran, dan ampunilah kami. Sesungguhnya di atas sesuatu itu Engkau Maha Berkuasa.”

Bacaan Tasbih itu:

سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،
وَاللَّهُ أَكْبَرُ.

Caranya ialah:

1. Setelah membaca doa iftitah dibaca tasbih 15 kali.
2. Setelah membaca Fatitah dan Surah dibaca 10 kali.
3. Ketika rukuk dan setelah membaca tasbih rukuk, dibaca 10 kali.
4. Semasa i'tidal dan setelah bacaan tasbih i'tidal dibaca 10 kali.
5. Sujud pertama dan setelah membaca tasbih sujud, dibaca 10 kali.
6. Semasa duduk antara dua sujud setelah membaca doa yang biasa di dalamnya, dibaca 10 kali.
7. Sujud kedua dan setelah membaca tasbih sujud, dibaca 10 kali.

* * *

SURAH ‘LAW ANZALNA’ (*Surah Al-Hasyr*)

Dalam sebuah Hadis dari Ma‘qil bin Yasar bahawa barangsiapa membaca di waktu pagi (*isti‘adzah*) di atas dan tiga ayat yang akhir dari surah Al-Hasyr ini, Allah mewakilkan untuknya tujuh puluh ribu Malaikat, berselawat ke atasnya (memohon keampunan baginya) hingga ke petang, kalau mati ia pada hari itu matinya syahid. Begitu pula kalau dibacanya waktu petang.

أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

“Aku berlindung dengan Allah yang Maha mendengar lagi Maha Mengetahui daripada syaitan yang direjam.”

Di sini elok berhenti sejenak dan pisahkan antara kedua-dua zikir ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَرَأَيْتَهُ خَاشِعًا
مُتَصَدِّعًا مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ، وَتِلْكَ الْأَمْثَالُ نَضْرِبُهَا
لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ. هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا
هُوَ، عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ.
هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ
السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ
الْمُتَكَبِّرُ، سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ. هُوَ اللَّهُ
الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ، لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ،
يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ،
وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ.

{ أسماء الحسنی }

[NAMA-NAMA ALLAH YANG MULIA]

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ، الرَّحِيمُ،
الْمَلِكُ، الْقُدُّوسُ، السَّلَامُ، الْمُؤْمِنُ، الْمُهِمِّنُ،
الْعَزِيزُ، الْجَبَّارُ، الْمُتَكَبِّرُ، الْخَالِقُ، الْبَارِئُ،
الْمُصَوِّرُ، الْغَفَّارُ، الْقَهَّارُ، الْوَهَّابُ، الرَّزَّاقُ،
الْفَتَّاحُ، الْعَلِيمُ، الْقَابِضُ، الْبَاسِطُ، الْخَافِضُ،
الرَّافِعُ، الْمُعِزُّ، الْمُدِلُّ، السَّمِيعُ، الْبَصِيرُ،
الْحَكَمُ، الْعَدْلُ، اللَّطِيفُ، الْخَبِيرُ، الْحَلِيمُ،
الْعَظِيمُ، الْغَفُورُ، الشَّكُورُ، الْعَلِيُّ، الْكَبِيرُ،
الْحَفِيفُ، الْمُقِيتُ، الْحَسِيبُ، الْجَلِيلُ،

الْكَرِيمُ، الرَّقِيبُ، الْمُجِيبُ، الْوَاسِعُ، الْحَكِيمُ،
الْوَدُودُ، الْمَجِيدُ، الْبَاعِثُ، الشَّهِيدُ، الْحَقُّ،
الْوَكِيلُ، الْقَوِيُّ، الْمَتِينُ، الْوَلِيُّ، الْحَمِيدُ،
الْمُحْصِي، الْمُبْدِي، الْمُعِيدُ، الْمُحْيِي،
الْمُمِيتُ، الْحَيُّ، الْقَيُّومُ، الْوَاجِدُ، الْمَاجِدُ،
الْوَاحِدُ، الصَّمَدُ، الْقَادِرُ، الْمُقْتَدِرُ، الْمُقَدِّمُ،
الْمُؤَخِّرُ، الْأَوَّلُ، الْآخِرُ، الظَّاهِرُ، الْبَاطِنُ،
الْوَالِي، الْمُتَعَالِ، الْبَرُّ، التَّوَّابُ، الْمُنتَقِمُ،
الْعَفْوُ، الرَّءُوفُ، مَالِكُ الْمُلْكِ، ذُو الْجَلَالِ
وَالْإِكْرَامِ، الْمُقْسِطُ، الْجَامِعُ، الْغَنِيُّ، الْمُغْنِي،
الْمَانِعُ، الضَّارُّ، النَّافِعُ، النُّورُ، الْهَادِي،
الْبَدِيعُ، الْبَاقِي، الْوَارِثُ، الرَّشِيدُ، الصَّبُورُ.

DOA BULAN RAJAB

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ.

“Ya Allah, turunkanlah keberkatan buat kami pada bulan-bulan Rajab dan Sya‘ban dan sampaikanlah kami ke bulan Sya‘ban.”

ISTIGHFAR DIBACA BULAN RAJAB

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَتُبْ عَلَيَّ. (70x)

“Ya Allah, ampunkanlah dosaku, dan rahmatilah aku dan terimalah taubatku.”

Barangsiapa membaca pada hari Jum‘at yang akhir dari bulan Rajab ketika khatib berada di atas mimbar:

أَحْمَدُ رَسُولُ اللَّهِ، مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ. (35x)

“Ahmad Pesuruh Allah, Muhammad Pesuruh Allah,”

Niscaya tidak putus bekalang wang dari tangannya di dalam tahun ini.

Ini tasbih di baca pada bulan Rajab:

Tarikh 1–10 Rajab, 100 kali:

سُبْحَانَ اللَّهِ الْحَيِّ الْقَيُّومِ.

Tarikh 11–20 Rajab, 100 kali:

سُبْحَانَ اللَّهِ الْأَحَدِ الصَّمَدِ.

Tarikh 21–30 Rajab, 100 kali:

سُبْحَانَ اللَّهِ الرَّؤُوفِ.

KELEBIHAN MEMBACA ZIKIR:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ اللَّهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ عَدَدَ مَا وَسِعَهُ عِلْمُ اللَّهِ.

“Tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, pada setiap kerdipan mata dan setiap nafas seberapa banyak yang diliputi ilmu Allah.”

Zikir ini dibaca 3 kali selepas solat.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ
وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ. (10 kali)

“Tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah dengan

ketunggalan-Nya, tiada sekutu bagi-Nya, untuk Allah segala kerajaan dan bagi-Nya segala pujian. Dia yang menghidupkan dan yang mematikan dan Dialah yang berkuasa atas segala sesuatu.”

Dibaca selepas Maghrib dan Subuh, sebelum memindahkan kakinya.

Kelebihannya:

- [1] Dicatat akan kebaikan.
- [2] Dihapus semua kesalahan.
- [3] Dinaikkan darjatnya.
- [4] Diberi pahala seperti memerdekakan hamba sahaya.
- [5] Dipelihara dari gangguan syaitan.
- [6] Diselamatkan dari segala musibah.
- [7] Dipelihara dari azab api neraka.

***Kelebihan mengerjakan sunnah
Ba‘diyah Isya’.***

Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

مَنْ صَلَّى بَعْدَ الْعِشَاءِ أَرْبَعًا كَعَدْلِ لَيْلَةِ الْقَدْرِ.

Ertinya: “Barangsiapa mengerjakan sembahyang sunat selepas fardhu Isya’ empat rakaat, pahalanya seperti beribadah malam Qadar.”

* * *

NIAT DAN DOA-DOA RAMADHAN

Niat Puasa:

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ أَدَاءِ فَرَضِ شَهْرِ رَمَضَانَ هَذِهِ
السَّنَةِ لِلَّهِ تَعَالَى.

Ertinya: “Sengaja aku berpuasa esok hari untuk menunaikan fardhu bulan Ramadhan tahun ini kerana Allah Ta’ala.”

Sunat Dibaca Sesudah Berbuka Puasa:

اللَّهُمَّ لَكَ صُمْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَعَلَى رِزْقِكَ
أَفْطَرْتُ، ذَهَبَ الظَّمَأُ وَأَبْتَلَّتِ العُرُوقُ، وَثَبَتَ
الأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللهُ.

Ertinya: “Ya Allah, untuk-Mu aku berpuasa, pada-Mu aku beriman, di atas rezeki-Mu aku berbuka, telah pergi kehausan, telah basah saluran-saluran darah (tekak) dan telah tetap pahala di sisi-Mu insya Allah.”

* * *

AMALAN-AMALAN DALAM BULAN RAMADHAN

Dari 1 hingga 10 Ramadhan:

اللَّهُمَّ ارْحَمْنِي يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ertinya: “*Ya Allah, ya Tuhanku! Kurniakan kepadaku rahmat kerana Engkau sahaja yang dapat memberi rahmat.*”

Dari 11 hingga 20 Ramadhan:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ertinya: “*Ya Allah, ya Tuhanku! Ampunilah dosaku, Ya Tuhan Pentadbir semesta alam.*”

Dari 21 hingga akhir Ramadhan:

اللَّهُمَّ أَعْتِقْنِي مِنَ النَّارِ وَأَدْخِلْنِي جَنَّاتِكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ertinya: “*Ya Allah, ya Tuhanku! Bebaskan aku dari siksa api neraka dan masukkan aku ke dalam syurga-Mu Ya Tuhan Pentadbir semesta alam dengan rahmat Engkau, kerana Engkau sahaja yang dapat memberi rahmat.*”

Sunat diperbanyak membaca sebelum berbuka puasa, dengan harapan memohon keampunan dari Allah berkat bulan Ramadhan yang mulia:

يَا عَظِيمُ يَا عَظِيمُ، أَنْتَ إِلَهِي لَا إِلَهَ غَيْرُكَ،
اغْفِرْ لِي الذَّنْبَ الْعَظِيمَ، فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذَّنْبَ
الْعَظِيمَ إِلَّا الْعَظِيمُ.

Ertinya: “Ya Allah, ya Tuhan yang Maha Besar, Tuhan yang Maha Besar; Engkau adalah Tuhanku, tidak ada Tuhan selain dari Engkau, ampunilah dosaku yang besar, sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa yang besar melainkan Engkau yang Maha Besar.”

Sunat diamalkan pada siang dan malam Ramadhan terutama pada hari yang ke 21 puasa hingga akhirnya mulia:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ، نَسَأَلُكَ
الْجَنَّةَ وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ. (3x)

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاغْفِرْ عَنَّا. (3x)
يَا كَرِيمٌ.

Ertinya: “Aku naik saksi tiada Tuhan melainkan Allah, aku memohon ampun dari Allah. Kami memohon kepada Engkau, dan kami berlindung dengan Engkau dari neraka (3x).

Ya Allah, ya Tuhan! Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, Maha Mulia suka memberi keampunan, ampunilah kami. (3x). Wahai Tuhan yang Maha Mulia.”

* * *

SUJUD TILAWAH

Keterangan:

Biasanya pada setiap subuh Jum‘at, imam membaca pada rakaat yang pertama surah As-Sajdah (آلم), dan pada pertengahan surah tersebut imam bersujud. Maka kita sebagai makmum diperintahkan pula bersujud serta membaca zikir sujud Tilawah. Sujud ini dinamakan sujud Sajdah atau sujud Tulawah.

Niat Sujud Tilawah:

نَوَيْتُ أَنْ أَسْجُدَ لِلتَّلَاوَةِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sahaja aku sujud Tilawah kerana Allah Ta‘ala.”

Zikir Semasa Sujud Tilawah:

سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلَقَهُ وَصَوَّرَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ

وَبَصَرُهُ بِحَوْلِهِ وَقُوَّتِهِ، فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ
الْخَالِقِينَ.

“Wajahku sujud kepada Allah, Dzat yang menciptakannya dan membentuknya, yang membuka pandangannya dan penglihatannya, dengan daya dan kekuatan-Nya. Maka Maha Mulia Allah, sebaik-baik Dzat Pencipta.”

Niat Sujud Syukur:

نَوَيْتُ أَنْ أَسْجُدَ شُكْرًا لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sahaja aku sujud Syukur kerana Allah Ta‘ala.”

Doa Yang Dibaca Semasa Sujud:

اللَّهُمَّ اكْتُبْ لِي بِهَا عِنْدَكَ أَجْرًا، وَاجْعَلْهَا لِي

عِنْدَكَ ذُخْرًا، وَارْفَعْ عَنِّي بِهَا وَزْرًا، وَاقْبَلْهَا مِنِّي
كَمَا قَبَلْتَهَا مِنْ عَبْدِكَ دَاوُدَ عَلَيْهِ السَّلَامُ.

“Ya Allah, tuliskanlah bagiku dengan sujud kesyukuran ini ganjaran di sisi-Mu dan jadikanlah dia perbendaharaan bagiku serta hapuskanlah dengannya dosaku, dan terimalah sujudku ini sebagaimana Engkau terima sujud hamba-Mu Daud alaihissalam.”

Bacaan Sujud Sahwi:

سُبْحَانَ مَنْ لَا يَنَامُ وَلَا يَسْهُو.

“Maha Suci Allah yang tidak pernah lena dan tidak pernah lupa.”

SOLAT HAJAT DAN DOANYA:

Sebaiknya dikerjakan solat Hajat lepas tengah malam atau sesudah solat Maghrib.

Pada rakaat yang pertama, selepas membaca Al-Fatihah dibaca surah Al-Kafirun 11 kali. Pada rakaat yang kedua selepas membaca Al-Fatihah dibaca surah Al-Ikhlash 11 kali.

Kemudian dibaca pada sujud terakhir sebanyak 40 kali:

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ.

“Tidak ada Tuhan selainn Engkau. Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku adalah termasuk orang-orang yang zalim.”

Selepas memberi salam memohon doa, inilah dia doanya:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ، سُبْحَانَ اللَّهِ
رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.
نَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ، وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ،

وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ، وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بَرٍّ.
 اللَّهُمَّ لَا تَدْعُ لَنَا ذَنْبًا إِلَّا غَفَرْتَ، وَلَا هَمًّا إِلَّا
 فَرَجْتَهُ، وَلَا حَاجَةً (sebutkan hajatnya)
 إِلَّا قَضَيْتَهَا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. وَصَلَّى اللَّهُ
 عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

“Tiada Tuhan selain Allah yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mulia. Maha Suci Allah Tuhan (yang memelihara) Arasy yang agung. Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Aku memohon kepada-Mu kepastian rahmat-Mu, kepastian keampunan-Mu, kemenangan dari tiap-tiap kebaikan dan selamat dari dosa.

Ya Allah, jangan Dikau biarkan diriku berdosa melainkan Engkau ampuninya, tiada kesusahan melainkan Engkau bukakan jalan keluar dan tiada sesuatu hajat yang Engkau

redhai melaikan Engkau luluskan. Ya Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang.”

Semoga Allah mencucuri rahmat dan salam ke atas penghulu kami Nabi Muhammad dan atas keluarga dan para sahabatnya.”

Doa untuk menghilangkan rasa malas, sedih, serta menghapuskan resah gelisah dan hutang-hutang:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَأَعُوذُ
بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ
وَالْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ
الرِّجَالِ.

“Ya Allah! Aku berlindung kepada-Mu daripada kesusahan dan kesedihan. Aku berlindung kepada-Mu daripada sifat lemah dan malas. Aku berlindung kepada-

Mu daripada sifat pengecut dan bakhil. Aku berlindung kepada-Mu daripada bebanan hutang dan penindasan orang.”

Doa untuk mengelakkan daripada bahaya:

Barangsiapa yang membaca Bismillah ini di waktu petang atau pagi sebanyak 3 kali, dia tidak akan diterpa oleh bala yang datang mendadak:

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي
الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

“Ertinya: “Dengan nama Allah yang tidak ada sesuatu yang dapat membahayakan di samping nama-Nya, sama ada di bumi dan begitu begitu juga di langit, Dialah Allah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

QASIDAH TAUBAT

إِلَهِي لَسْتُ لِلْفِرْدَوْسِ أَهْلًا ﴿١﴾
وَلَا أَقْوَى عَلَى نَارِ الْجَحِيمِ
فَهَبْ لِي تَوْبَةً وَاعْفِرْ ذُنُوبِي ﴿٢﴾
فَإِنَّكَ غَافِرُ الذَّنْبِ الْعَظِيمِ

Ilaahi lastu lilfirdausi ahlaa
Walaa aqwaa 'alaa naaril jahiimi
Fahab lii taubatan waghfir dzunuubi
Fa innaka ghafirudz-dzanbil 'azhiimi

“Tuhanku aku tidak layak untuk syurga-Mu, tetapi aku tidak pula sanggup mengganggu siksa neraka-Mu. Dari itu kurniakanlah ampunan kepadaku. Sesungguhnya Engkau adalah pengampun dosa-dosa besar.”

ZIKIR MENJAUHI ANGIN AHMAR

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ
وَبِحَمْدِهِ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ
الْعَظِيمِ. (3x)

“Maha Suci Allah dengan segala kepujian-Nya. Maha Suci Allah yang Maha Besar dengan segala kepujian-Nya. Tidak ada daya dan kekuatan melainkan dengan Allah.”

* * *

DOA SELEPAS MEMBACA YASIN

[Disusun Oleh Al-Habib Abdullah Al-Haddad]

اللَّهُمَّ إِنَّ نَسْتَحْفِظُكَ وَنَسْتَوْدِعُكَ أَدْيَانَنَا
وَأَنْفُسَنَا وَأَهْلَنَا وَأَوْلَادَنَا وَأَمْوَالَنَا وَكُلَّ شَيْءٍ
أَعْطَيْتَنَا.

“Ya Allah! Sesungguhnya kami memohon penjagaan dan pemeliharaan-Mu terhadap kepercayaan agama kami, diri kami, keluarga kami, anak-anak kami, harta kami dan setiap benda yang Engkau kurniakan kepada kami.”

اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا فِي كَنْفِكَ وَأَمَانِكَ وَجِوَارِكَ وَعِيَاذِكَ
مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَرِيدٍ، وَجَبَّارٍ عَنِيدٍ، وَذِي عَيْنٍ

وَذِي بَغْيٍ، وَمِنْ شَرِّ كُلِّ ذِي شَرٍّ، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ.

“Ya Allah! Jadikanlah kami semua di dalam pemeliharaan-Mu, keamanan-Mu, kawalan-Mu dan perlindungan-Mu daripada segala syaitan yang jahat, penggagah yang degil, orang yang punya mata (yang jahat) dan orang yang zalim, dan dari kejahatan setiap orang yang jahat. Sesungguhnya Engkau berkuasa atas segala sesuatu.”

اللَّهُمَّ جَمِّنَا بِالْعَافِيَةِ وَالسَّلَامَةِ، وَحَقِّقْنَا
بِالتَّقْوَىٰ وَالِاسْتِقَامَةِ، وَأَعِدْنَا مِنْ مُوجِبَاتِ
النَّدَامَةِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ.

“Ya Allah! Perindahkanlah kami dengan keafiatan dan keselamatan, dan tetapkanlah

kami dengan taqwa dan istiqamah, dan lindungilah kami dari segala perkara yang menyebabkan penyesalan. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar akan doa.”

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا وَلِوَالِدِينَا وَلِأَوْلَادِنَا وَمَشَائِخِنَا
وَلِإِخْوَانِنَا فِي الدِّينِ، وَلِأَصْحَابِنَا وَأَحْبَابِنَا،
وَلِمَنْ أَحَبَّنَا فِيكَ، وَلِمَنْ أَحْسَنَ إِلَيْنَا، وَلِلْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، يَا رَبَّ
العَالَمِينَ.

“Ya Allah! Ampunilah kami dan ibu bapa kami, anak-anak kami, guru-guru kami, saudara-saudara kami yang seagama, sahabat-sahabat kami, orang-orang yang kecintaan kami dan orang-orang yang cintankan kami pada perkara yang diredhai

oleh-Mu, mereka yang berbuat baik kepada kami dan sekalian mukminin mukminat dan muslimin muslimat, Ya Rabbal ‘alamin.”

وَصَلِّ اللَّهُمَّ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَارْزُقْنَا كَمَالَ الْمُتَابَعَةِ
لَهُ ظَاهِرًا وَبَاطِنًا فِي عَافِيَةٍ وَسَلَامَةٍ، بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

“Cucurilah selawat dan salam-Mu ya Allah, ke atas hamba-Mu dan Rasul-Mu Saiyidina Muhammad serta keluarga dan sahabatnya. Dan berilah kami kesempurnaan menurut jalannya zahir dan batin di dalam keadaan baik dan selamat dengan rahmat-Mu, ya Tuhan yang lebih kasih dari sesiapa yang pengasih.”

*Disambung dengan doa surah
Al-Waqi'ah:*

اللَّهُمَّ صُنْ وَجُوهَنَا بِالْيَسَارِ، وَلَا تُوهِنَا بِالْإِقْتَارِ،
فَنَسْتَرْزُقَ طَالِبِي رِزْقِكَ، وَنَسْتَعْطِفَ شِرَارَ
خَلْقِكَ، وَنَشْتَغِلَ بِحَمْدِ مَنْ أَعْطَانَا، وَنُبْتَلى
بِذَمِّ مَنْ مَنَعَنَا، وَأَنْتَ مِنْ وَرَاءِ ذَلِكَ كُلِّهِ أَهْلُ
الْعَطَاءِ وَالْمَنْعِ.

اللَّهُمَّ كَمَا صُنْتَ وَجُوهَنَا عَنِ السُّجُودِ إِلَّا
لَكَ، فَصُنَّا عَنِ الْحَاجَةِ إِلَّا إِلَيْكَ، بِجُودِكَ وَكَرَمِكَ
وَفَضْلِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ،
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، أَغْنِنَا عَمَّنْ سِوَاكَ.

وَصَلَّى اللّٰهُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

“Ya Allah! Peliharalah muka kami dengan kesenangan hidup, dan janganlah Engkau hinakannya dengan kesusahan, lalu kami pun meminta kepada orang yang meminta rezeki kepada-Mu, dan kami merayu kepada orang yang jahat dari makhluk-Mu, lalu terpaksa kami memuji-muji mereka yang memberi kami dan mencaci mereka yang tidak memberi kami, sedang Engkau ya Tuhan, adalah yang memberi dan Engkau pula yang menahan.

“Ya Allah! Sebagaimana Engkau Pelihara muka kami yang tidak sujud melainkan kepada-Mu, maka peliharalah kami daripada meminta melainkan kepada-Mu, dengan limpah kurnia-Mu dan kemurahan-Mu. Ya Tuhan yang Amat Pengasih dari segala yang kasih, kayakanlah kami dengan limpah

kurnia daripada-Mu bukan daripada yang lain dari-Mu.

Selawat dan salam-Nya ke atas Penghulu kami Muhammad serta keluarga dan para sahabatnya.”

Zikir-zikir tambahan

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي. 100X

“Ya Tuhanku, lapangkan dadaku dan mudahkanlah urusanku.”

رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ. 100X

“Ya Tuhanku, sesungguhnya aku sangat fakir (berhajat) kepada kebaikan yang Engkau turunkan kepadaku.”

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا

بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ . 100X

“Cukuplah Allah buat kami, dan Dialah sebaik-baik pelindung. Tidak ada daya dan kekuatan, melainkan dengan Allah yang Maha Tinggi, Maha Besar, Maha Gagah dan Maha Bijaksana.”

يَا فَتَّاحُ يَا رَزَّاقُ يَا كَافِيَ يَا مُغْنِي . 100X

“Ya Tuhan yang membukakan sesuatu, yang memberi rezeki, yang mencukupi segala sesuatu, Dialah yang mengayakan.”

مَا شَاءَ اللَّهُ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ . 100X

“Apa yang dikehendaki Allah (pasti berlaku), tiada daya dan kekuatan melainkan dengan Allah.”

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ
الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. 100X

“Ya Allah, cucurilah selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad dan Rasul-Mu, Nabi yang tidak kenal huruf, serta ke atas keluarga dan para sahabatnya.”

Amalan di hari Jumaat

Selepas sembahyang Jumaat sebelum mengubah cara duduk dan sebelum bercakap, bacalah:

- [1] Surah Al-Fatihah (7 kali).
- [2] Surah Al-Ikhlash (7 kali).
- [3] Surah Al-Faalaq (7 kali).
- [4] Surah An-Nas (7 kali).

Kemudian bacalah:

اللَّهُمَّ يَا غَنِيَّ يَا حَمِيدُ، يَا مُبْدِيَّ يَا مُعِيدُ،

يَا رَحِيمُ يَا وَدُودٌ، أَغْنِنِي بِحَلَالِكَ عَنِ حَرَامِكَ،
وَبِطَاعَتِكَ عَنِ مَعْصِيَتِكَ، وَبِفَضْلِكَ عَمَّنْ
سِوَاكَ.

“Ya Allah! Ya Tuhan yang Maha Kaya lagi Terpuji, yang memulakan juga yang mengulangi (kejadian makhluk), yang Penyayang lagi Pengasih, kayakanlah aku dengan yang halal daripada-Mu, bukan yang haram dan dengan ketaatan kepada-Mu, bukan dengan maksiat, dan dengan limpah kurnia daripada-Mu, bukan daripada selain-Mu.”

Ditambah doa berikut sesudah selesai membaca doa surah Yasiin sebanyak empat kali tanpa dipisahkan dengan sesuatu:

سُبْحَانَ الْمُنْفَسِ عَنْ كُلِّ مَدْيُونٍ، سُبْحَانَ

الْمُفْرِجِ عَنْ كُلِّ مَحْزُونٍ، سُبْحَانَ مَنْ جَعَلَ
خَزَائِنَهُ بَيْنَ الْكَافِ وَالنُّونِ، سُبْحَانَ مَنْ إِذَا أَرَادَ
شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ « كُنْ فَيَكُونُ ».

يَا مُفْرِجُ فَرِّجْ (4x). فَرِّجْ عَنِّي هَمِّي وَغَمِّي فَرَجًا
عَاجِلًا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. وَصَلَّى اللَّهُ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

“Maha Suci Tuhan yang melegakan dari setiap hutang, Maha Suci Tuhan yang melepaskan dari segala perkara yang disedihkan, Maha Suci Tuhan yang menjadikan apa yang dimiliki-Nya di antara “Kaf dan Nun”, Maha Suci Tuhan yang apabila menghendaki sesuatu, cukup dengan mengatakan “Jadilah engkau, nescaya jadilah ia”. Wahai Tuhan yang melapangkan, lapangkanlah bagiku (4x), lapangkanlah

bagiku kerisauanku dan kedukaanku secepatnya, dengan rahmat-Mu wahai Tuhan yang amat Pemurah. Semoga rahmat Allah dan salam-Nya dicururkan ke atas penghulu kami Saiyidina Muhammad dan ke atas keluarganya serta para sahabatnya.”

* * *

SURAH AL-HASYR

[سُورَةُ الْحَشْرِ]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَاشِعًا
مُتَّصِدًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ، وَتِلْكَ الْأَمْثَالُ نَضْرِبُهَا
لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ. هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا
هُوَ، عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ.

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ
السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيَّمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ
الْمُتَكَبِّرُ، سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ. هُوَ اللَّهُ
الْخَالِقُ الْبَارِي الْمُصَوِّرُ، لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى،
يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ،
وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ.

Fadhilatnya:

Dalam sebuah hadis dari Ma'qil bin Yasar bahwa barangsiapa membaca di waktu pagi, Allah mewakilkan untuknya tujuh puluh ribu Malaikat, berselawat ke atasnya (memohon keampunan baginya) hingga ke petang, kalau ditakdirkan mati pada hari itu matinya syahid. Begitu pula kalau dibacanya di waktu petang.

RATIB AL-HADDAD

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. مَلِكِ
يَوْمِ الدِّينِ. إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ. اهْدِنَا
الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ. صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ
عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ.
أَمِينَ.

[1] Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Yang Menguasai hari Pembalasan (hari Akhirat). Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami

memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.”

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ. لَا تَأْخُذُهُ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ، لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي
الْأَرْضِ، مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ،
يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ، وَلَا يُحِيطُونَ
بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ
الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ.

[2] Allah, tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selamanya. Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki. Luasnya Kursi Allah meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dialah Yang Maha Tinggi, lagi Maha Besar.”

ءَاٰمَنَ الرَّسُوْلُ بِمَاۤ اُنزِلَ اِلَيْهِۭ مِنْ رَّبِّهِۭ ۗ وَالْمُؤْمِنُوْنَ
 كُلُّۭمْ ءَاٰمَنَ بِاللّٰهِ وَمَلَآئِكَتِهٖۙ وَكُتُبِهٖۙ وَرُسُلِهٖۙ ۗ لَا
 نُفَرِّقُ بَيْنَۙ اَحَدٍۭ مِّنۡ رُّسُلِهٖۙ ۗ وَقَالُوۡا سَمِعْنَا وَاَطَعْنَا

غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ.

[3] Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-rasul-Nya. (Katakan): “Kami tidak membezakan antara seorang rasul dengan rasul-rasul yang lain.” Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunan-Mu wahai Tuhan kami, dan kepada-Mu jualah tempat kembali.”

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا، لَهَا مَا كَسَبَتْ
وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ، رَبَّنَا لَا تَأْخِذْنَا إِنْ نَسِينَا
أَوْ أَخْطَأْنَا، رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إَصْرًا كَمَا

حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا ، رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا
مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ ، وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا
أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ .

[4] Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala atas kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa atas kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): “Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa

kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir.”

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ
وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ. (3x)

[5] *Tiada Tuhan melainkan Allah yang Maha Esa tiada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya segala kerajaan dan segala kepujian. Dia yang menghidupkan dan Dia yang mematikan. Dan Dia amat berkuasa atas segala sesuatu.”*

سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،
وَاللَّهُ أَكْبَرُ. (3x)

[6] *Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Tuhan yang Maha Besar.”*

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ. (3x)

[7] *Maha Suci Allah dengan segala kepujian-Nya, Maha Suci Allah yang Maha Agung.”*

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ
الرَّحِيمُ. (3x)

[8] *Wahai Tuhan kami, ampunilah kami dan terimalah taubat kami, kerana sesungguhnya Engkau penerima taubat dan Penyayang.”*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. (3x)

[9] *Ya Allah, cucurilah selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad s.a.w.”*

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ. (3x)

[10] *Aku berindung dengan kalimat-kalimat Allah daripada segala kejahatan yang dijadikan-Nya.”*

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي
الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
(3x)

[11] *Dengan nama Allah yang tidak ada sesuatu yang dapat membahayakan di samping nama-Nya, sama ada di bumi dan begitu begitu juga di langit, Dialah Allah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”*

رَضِينَا بِاللَّهِ رَبًّا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا، وَبِمُحَمَّدٍ
نَبِيًّا. (3x)

[12] *Kami redha bertuhankan Allah, beragama Islam dan bernabikan Nabi Muhammad s.a.w.”*

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَالْخَيْرُ وَالشَّرُّ بِمَشِيئَةِ
اللَّهِ. (3x)

[13] *Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, kejadian baik dan buruk dengan kehendak Allah.”*

أَمْنَا بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، تُبْنَا إِلَى اللَّهِ بَاطِنًا
وَوَظَاهِرًا. (3x)

[14] *Kami beriman kepada Allah dan hari kemudian, kami bertaubah kepada Allah zahir dan batin.*”

(3x) يَا رَبَّنَا وَاعْفُ عَنَّا، وَامْحُ الَّذِي كَانَ مِنَّا.

[15] *Ya Tuhan kami, maafkan kami dan padamkan apa jua (dosa) yang berlaku dari kami.*”

يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، أَمِئْنَا عَلَى دِينِ الْإِسْلَامِ.
(7x)

[16] *Ya Tuhan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan, matikanlah kami di dalam agama Islam.*”

(3x) يَا قَوِيُّ يَا مَتِينُ، اكْفِ شَرَّ الظَّالِمِينَ.

[17] *Ya Tuhan yang Maha Kuat dan Maha Gagah, peliharalah kami dari orang-orang yang zalim.*”

أَصْلَحَ اللَّهُ أُمُورَ الْمُسْلِمِينَ، صَرَفَ اللَّهُ شَرَّ
الْمُؤْذِينَ. (3x)

[18] *Ya Tuhan kami, maafkan kami dan padamkan apa jua (dosa) yang berlaku dari kami.”*

يَا عَلِيُّ يَا كَبِيرُ، يَا عَلِيمُ يَا قَدِيرُ، يَا سَمِيعُ
يَا بَصِيرُ، يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ. (3x)

[19] *Wahai Tuhan yang Maha Tinggi lagi Maha Besar, yang Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa, yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat, yang Maha Lembut lagi Maha Mengetahui.”*

يَا فَارِجَ الْهَمِّ يَا كَاشِفَ الْغَمِّ، يَا مَنْ لِعَبْدِهِ يَغْفِرُ
وَيَرْحَمُ. (3x)

[20] *Wahai Tuhan yang menghilangkan segala kerisauan gangguan fikiran, wahai Tuhan yang Maha Pengampun dan mengasihani hamba-Nya.”*

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ رَبَّ الْبَرَايَا، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ مِنْ
الْخَطَايَا. (4x)

[21] *Aku memohon ampun kepada Tuhan sekalian makhluk, aku minta ampun daripada segala dosa.”*

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ. (25x)
مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ،
وَشَرَفَ وَكَرَّمَ، وَمَجَّدَ وَعَظَّمَ، وَرَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى
عَنْ آلِ وَأَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ بِإِحْسَانٍ مِنْ يَوْمِنَا هَذَا إِلَى

يَوْمَ الدِّينِ، وَعَلَيْنَا مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

[22] *Tiada Tuhan melainkan Allah, Muhammad pesuruh Allah, semoga Allah mencucuri selawat, salam, kemuliaan dan ketinggian derajat ke atasnya. Semoga Allah meredhai keluarganya yang suci, sahabatnya yang mulia, para isterinya yang suci ibu sekalian orang mukminin dan para pengikut mereka dengan kebaikan dari sejak hari kita (di dunia) ini hingga hari kemudian, serta kita semua masuk dalam berkat mereka dengan rahmat-Mu ya Tuhan yang lebih pengasih dari semua yang kasih.”*

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
قُلْ هُوَ اللّٰهُ اَحَدٌ. اللّٰهُ الصَّمَدُ. لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ.
وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا اَحَدٌ. (3x)

[23] *Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Katakanlah (wahai Muhammad): “Dialah Allah yang Maha Esa, Allah yang menjadi tumpuan segala permohonan, Ia tidak beranak dan Ia pula tidak diperanakkan, dan tidak ada sesiapa pun yang sebanding dengan-Nya.”*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ. مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ. وَمِنْ شَرِّ
غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ، وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ.
وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ.

[24] *Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Katakanlah (wahai Muhammad): “Aku berlindung dengan Tuhan yang menciptakan cahaya subuh, daripada kejahatan makhluk-makhluk yang Ia ciptakan, dan daripada kejahatan*

malam apabila ia gelap gelita, dan daripada (ahli-ahli sihir) yang menghembus pada simpulan-simpulan ikatan, dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan kedengkiannya.”

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ . مَلِكِ النَّاسِ . إِلَهِ النَّاسِ .
مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ . الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي
صُدُورِ النَّاسِ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ .

[25] *Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Katakanlah (wahai Muhammad): “Aku berlindung dengan Tuhan sekalian manusia, yang menguasai sekalian manusia, Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia, dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul*

tenggelam, yang melimparkan hasutannya ke dalam hati manusia, dari kalangan jin dan manusia.”



[الْفَاتِحَةَ]

إِلَى حَضْرَةِ سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ
رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَآلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
وَأَهْلِ بَيْتِهِ، ثُمَّ إِلَى رُوحِ سَيِّدِنَا الْمُهَاجِرِ إِلَى
اللَّهِ أَحْمَدَ بْنَ عَيْسَى، وَإِلَى رُوحِ سَيِّدِنَا الْفَقِيهِ
الْمُقَدَّمِ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيِّ بْنِ عَلَوِيِّ وَكَافَّةِ سَادَاتِنَا

أَلِ أَبِي عَلَوِيٍّ وَأُصُولِهِمْ وَقُرُوعِهِمْ أَنَّ اللَّهَ يُعَلِّي
دَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّةِ، وَيَنْفَعُنَا بِهِمْ وَيَأْسِرَاهُمْ
وَأَنْوَارِهِمْ فِي الدِّينِ وَالدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

[*Al-Fatihah*] Kepada roh Penghulu kami, kesayangan kami dan penyelamat kami, Muhammad s.a.w., serta keluarganya, para sahabatnya, isteri-isterinya, zuriatnya dan dan ahli baitnya. Dan kepada roh penghulu kita Al-Muhajir (yang menuju kepada Allah) Ahmad bin Isa, dan kepada roh penghulu kita Al-Faqih Al-Muqaddam (ahli fiqih yang ulung) Muhammad ibn Ali Ba'alawi. Dan kepada semua penghulu kita dari keluarga Bani 'Alawi, dan kepada asal usul dan keturunan mereka. Moga-moga Allah tinggikan darjat mereka di Syurga, dan memberi kita manfaat dengan mereka, rahasia-rahasia mereka, cahaya-cahaya mereka di dalam agama dunia dan akhirat.

[الْفَاتِحَةُ]

إِلَى أَرْوَاحِ سَادَاتِنَا الصُّوفِيَّةِ أَيَّنَمَا كَانُوا فِي
مَشَارِقِ الْأَرْضِ وَمَغَارِبِهَا وَحَلَّتْ أَرْوَاحُهُمْ - أَنْ
اللَّهُ يُعَلِّي دَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّةِ، وَيَنْفَعُنَا بِهِمْ
وَيَعْلُمِيهِمْ وَيَأْسِرَارِهِمْ وَأَنْوَارِهِمْ وَيُلْحِقُنَا بِهِمْ فِي
خَيْرٍ وَعَافِيَةٍ.

[*Al-Fatihah*] Kepada roh-roh Penghulu kita ahli-ahli Sufi, di mana saja roh mereka berada, di timur atau di barat. Moga-moga Allah tinggikan darjat mereka di Syurga, dan memberi kita manfaat dengan mereka, ilmu-ilmu mereka, rahasia-rahasia mereka, cahaya-cahaya mereka dan golongankan kami bersama mereka dalam keadaan baik dan afiah.

[الْفَاتِحَةُ]

إِلَى رُوحِ صَاحِبِ الرَّاتِبِ قُطْبِ الْإِرْشَادِ وَعَوْتِ
الْعِبَادِ وَالْبِلَادِ الْحَبِيبِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَلَوِيِّ الْحَدَّادِ
وَأُصُولِهِ وَفُرُوعِهِمْ - أَنَّ اللَّهَ يُعْلِي دَرَجَاتِهِمْ فِي
الْجَنَّةِ، وَيَنْفَعُنَا بِهِمْ وَأَسْرَارِهِمْ وَأَنْوَارِهِمْ وَبِرَكَاتِهِمْ
فِي الدِّينِ وَالدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

[*Al-Fatihah*] Kepada roh yang empunya Ratib ini iaitu Qutub Al-Irsyad Wa Ghautsil Bilad, Al-Habib Abdullah bin Alawi Al-Haddad dan asal-usulnya serta anak cucunya. Moga-moga Allah tinggikan darjat mereka di Syurga, dan memberi kita manfaat dengan mereka, rahasia-rahasia mereka, cahaya-cahaya mereka dan keberkatan mereka di dalam agama dunia dan akhirat.

[الْفَاتِحَةَ]

[i] إِلَى كَافَّةِ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ وَالْوَالِدِينَ
وَجَمِيعِ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ - أَنْ اللَّهَ يَغْفِرَ لَهُمْ وَيَرْحَمَهُمْ،
وَيَنْفَعَنَا بِأَسْرَارِهِمْ وَيَرْكَاتِهِمْ.

[ii] الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا يُؤَافِي
نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَأَهْلِ بَيْتِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ. اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ بِحَقِّ الْفَاتِحَةِ الْمُعْظَمَةِ وَالسَّبْعِ
الْمَثَانِي.

[iii] أَنْ تَفْتَحَ لَنَا بِكُلِّ خَيْرٍ، وَأَنْ تَتَفَضَّلَ عَلَيْنَا بِكُلِّ خَيْرٍ، وَأَنْ تَجْعَلَنَا مِنْ أَهْلِ الْخَيْرِ، وَأَنْ تُعَامِلَنَا يَا مَوْلَانَا مُعَامَلَتَكَ لِأَهْلِ الْخَيْرِ، وَأَنْ تَحْفَظَنَا فِي أَدْيَانِنَا وَأَنْفُسِنَا وَأَوْلَادِنَا وَأَصْحَابِنَا وَأَحْبَابِنَا مِنْ كُلِّ مِحْنَةٍ وَيُؤْسٍ وَضَيْرٍ، إِنَّكَ وَلِيُّ كُلِّ خَيْرٍ، وَمُتَفَضِّلٌ بِكُلِّ خَيْرٍ، وَمُعْطٍ لِكُلِّ خَيْرٍ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

[iv] وَإِلَى حَضْرَةِ النَّبِيِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
[الْفَاتِحَةُ].

EMPAT AL-FATIHAH

[i] Untuk seluruh hamba-hamba yang salih, ibu bapa kami, kaum Muslimin serta Muslimat. Semoga Allah mengampuni dan mengasihi mereka. Moga-moga Allah memberi kita manfaat dengan rahasia-rahasia mereka, dan keberkatan mereka (di dalam perkara agama dunia dan akhirat).

[ii] Segala puji dan syukur kepada Allah, yang memberi nikmat dan menambahkannya. Selawat dan salam ke atas Saiyidina Muhammad dan selawat ke atas ahli keluarga dan para sahabatnya. Ya Allah kami bermohon dengan kebenaran surah Al-Fatihah dan keagungan ketujuh-tujuh ayatnya.

[iii] Bukakan pintu segala kebaikan untuk kami, rahmatilah kami, golongan kami ke dalam golongan yang Engkau beri nikmat. Tunjukkan kami ke jalan yang lurus. Lindungilah agama, hati dan rohani kami

daripada kerosakan. Lindungilah keturunan, sahabat-sahabat dan keluarga kami daripada bencana, kejahatan dan kesedihan. Engkaulah Maha Pelindung, Maha Pemberi, Maha Penyayang dan Maha Mengasihi.

[iv] Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam, keluarga, sahabat handai Baginda.

[Al-Fatihah].

Baca sebanyak 3 kali:

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ. وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ
سَخَطِكَ وَالنَّارِ.

“Ya Allah kami bermohon agar mendapat keredhaan-Mu dan syurga, dan kami berlindung dari kemurkaan-Mu dan api neraka.”

DOA PENUTUP MAJLIS

Sunnah Rasulullah s.a.w. membaca sebagai penutup musyawarah atau majlis:

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا
أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ.

“Maha Suci Engkau wahai Tuhanku, dengan memuji Engkau, aku bersaksi bahawasanya tidak ada Tuhan melainkan Engkau. Aku memohon ampun kepada-Mu dan aku bertaubat kepada-Mu.



[الْحَمْدُ لِلَّهِ أَوْلًا وَأَخْرًا]

Edisi Pertama © 2018
Shahidah Travel & Tours